

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**HUBUNGAN DI ANTARA *TALAQQI*
DAN *MUSYĀFAHAH* TERHADAP
PENCAPAIAN HAFAZAN AL-
QURAN DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN AGAMA TAHFIZ
MODEL ULUL AL-BAB ZON UTARA**

MUHAMMAD BIN ABDUL RASID

Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah

Sarjana

(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2026

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad s.a.w dan ahli keluarganya, para sahabat serta seluruh para muslimin dan muslimat. Segala puji bagi Allah s.w.t, Tuhan pemilik semesta alam, dengan limpah dan kurniaNya yang telah mengizinkan saya menyiapkan tugas dengan sebaik yang mungkin. Pelbagai ujian, dugaan dan cabaran dalam perjalanan untuk menyempurnakan kajian sarjana saya ini. Namun, atas dasar tanggungjawab dan amanah ilmu, segala cabaran dan dugaan sedaya upaya diharungi dengan doa agar diberikan kekuatan berterusan daripada Allah s.w.t.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Ahmad Rozaini Ali Hasan, selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan, nasihat dan semangat yang berterusan. Setinggi tinggi ucapan terima kasih juga buat Dr Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin selaku penyelia kedua saya yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga sehabis baik dalam membantu saya menyiapkan tesis kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan buat semua pensyarah dankakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UITM yang telah banyak membantu dalam memudahkan pelbagai urusan saya berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.

Setulus kasih dan cinta ditujukan kepada kedua ibu bapa saya, Abdul Rasid bin Che Mat, serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa menjadi sumber kekuatan dan inspirasi dalam menempuh perjalanan ini. Tidak dilupakan, penghargaan yang penuh kasih buat isteri tercinta, Sharifah Nor Azira binti Zalbatul Hamdi, yang setia di sisi dan menjadi pendorong utama dalam setiap langkah perjuangan ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak sekolah, serta para responden yang telah banyak memudahkan urusan saya sepanjang penyempurnaan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu dan menyokong usaha ini. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mampu membalas segala jasa dan kebaikan kalian. Saya memohon agar terus didoakan kejayaan saya pada masa akan datang

ABSTRAK

Kaedah *talaqqī* dan *musyāfahah* merupakan pendekatan tradisional yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah s.a.w dalam proses menghafaz dan memelihara ketulenan al-Quran. Namun begitu, dalam konteks pendidikan Tahfiz masa kini, antara isu utama yang dikenal pasti ialah kesukaran pelajar untuk mengekalkan kualiti hafazan yang telah dipelajari. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar, menganalisis perbezaan signifikan berdasarkan faktor demografi, dan menilai hubungan antara amalan *talaqqī* serta *musyāfahah* dengan pencapaian hafazan al-Quran. Kajian ini melibatkan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tahfiz Model Ulul Albab Zon Utara. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui soal selidik yang dibangunkan bagi menilai tahap amalan hafazan serta prestasi pencapaian pelajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa amalan *talaqqī* dan *musyāfahah* melibatkan empat aspek utama, iaitu membaca, menghafaz, menulis dan mengulang hafazan terutama pada waktu malam. Analisis korelasi Spearman Rho menunjukkan hubungan signifikan antara keempat-empat aspek tersebut dengan pencapaian hafazan ($r=.419$, $p<.05$), seterusnya menolak hipotesis nol dan menerima hipotesis penyelidikan bagi setiap pasangan pemboleh ubah. Selain itu, analisis juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara jantina dalam penguasaan kaedah ini, menggambarkan bahawa kedua-dua pelajar lelaki dan perempuan dapat mengaplikasikannya secara efektif. Secara keseluruhan, kajian ini memberikan implikasi penting dalam memperkukuh strategi pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di SMKA Tahfiz Model Ulul Albab serta menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan dalam bidang pendidikan Tahfiz

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
JADUAL TRANSLITERASI	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Jurang Kajian	14
1.5 Objektif	16
1.6 Soalan Kajian	16
1.7 Hipotesis Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	18
1.9.1 Kaedah	19
1.9.2 Hafazan	19
1.9.3 Definisi <i>Talaaqī</i>	21
1.9.4 Definisi <i>Musyāfahah</i>	21
1.10 Limitasi Kajian	22
1.11 Kerangka Teori Kajian	24
1.12 Kerangka Konseptual	25

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Allah s.w.t mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w bersamanya diturunkan sebuah manual untuk dijadikan panduan hidup iaitu kitab al-Quran. Al-Quran panduan dalam seluruh lapangan kehidupan manusia bermula daripada aspek aqidah, syariah mahupun akhlak (Ida Roziana Abdullah, Abdul Halim Ali, 2019). Al-Quran berfungsi sebagai panduan universal untuk menyelaraskan hubungan insan dengan Allah s.w.t dan sesama manusia. Dalam hal ini, ia menyediakan kerangka etika dan moral yang mendalam serta menetapkan peraturan yang jelas untuk membolehkan insan hidup bersama dan teratur. Oleh itu, al-Quran bukan sekadar bukti sejarah, tetapi sebuah risalah yang sesuai sebagai manual kehidupan sepanjang zaman, menawarkan panduan kepada manusia dalam pelbagai bidang, termasuk politik, ekonomi, sosial dan sebagainya (Hetri Aisah, Uus Ruswandi, Bambang Samsul Arifin, 2021).

Mukjizat Al-Quran yang diberikan kepada Nabi Muhammad s.a.w mempunyai keunikan tersendiri berbanding mukjizat yang dikurniakan kepada para rasul a.s sebelumnya. Secara umumnya, mukjizat merujuk kepada perkara luar biasa yang dianugerahkan kepada para nabi, sesuai dengan situasi dan cabaran yang dihadapi dalam kalangan masyarakat pada zaman mereka masing-masing (Abdul Hadi, 2020). Al-Quran merupakan mukjizat agung yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.w.t, dan keistimewaannya membezakan baginda daripada para rasul yang terdahulu. Mukjizat, secara umumnya, merujuk kepada sesuatu yang luar biasa yang dianugerahkan Allah kepada para nabi berdasarkan situasi dan cabaran unik pada zaman masing-masing. Sebagai contoh, para nabi terdahulu diberikan mukjizat yang sesuai dengan konteks masyarakat mereka. Mukjizat Nabi Mūsā a.s, seperti tongkat yang berubah menjadi ular, relevan untuk menyaingi ahli sihir pada zamannya. Begitu juga, Nabi ʿĪsā a.s dikurniakan kemampuan menyembuhkan penyakit yang mustahil disembuhkan oleh manusia biasa, selaras dengan perkembangan ilmu perubatan ketika itu.

Namun, mukjizat Al-Quran berbeza kerana ia bersifat kekal dan merentasi masa serta tempat. Kehebatannya bukan sahaja terletak pada keindahan bahasa, tetapi juga